

2/3

Inovasi pil diabetes

Turunkan berat badan,
kawal gula dalam darah



sihat

bminggu@bh.com.my

BH Sabtu. 13.08.2016



Tingkat kesihatan, kebersihan si manja

→ Elak jangkitan bakteria
kepada keluarga Ms.10/11

10

SABTU
13.08.2016

BH

rawatan

sihat

10

SABTU
13.08.2016

BH

rawatan

10

SABTU
13.08.2016

BH

Info



Lebih 200 penyakit zoonotik mengikut senarai WHO

Penyakit cakaran kucing

- Berpunca daripada bakteria bartonella
- Dijangkiti selepas dicakar, digigit kucing atau terkena air liur kucing.
- Bakteria lebih banyak didapati dibawa oleh anak kucing berbanding kucing dewasa.

Gejala

- Luka (melepuh, benjolan) tiga hingga 10 hari selepas jangkitan.
- Demam (bagi seseorang mengalami sakit kepala)
- Kelenjar limfa membengkak berhampiran kawasan cakaran atau gigitan (berlaku sehari hingga empat minggu selepas jangkitan)

Gejala lain

- limfa membesar
- Hilang selera makan
- Sakit tekak
- Berat badan menurun

Gejala lebih teruk dalam kalangan pesakit yang rendah sistem imun seperti kanak-kanak, orang tua dan pesakit kronik lain.

Jangkitan Bakteria

1. Leptospirosis:
Kaedah jangkitan:
→ Air kencing tikus mengandungi bakteria leptospira
- Objek yang tercemar dengan air kencing seperti permukaan tanah dan air sungai atau air terjun

Gejala

- Fasa 1-Sakit kepala, sakit otot, sakit mata dengan silau, rasa dingin dan demam.
- Fasa 2-Demam dengan tegang pada leher, radang saraf, mata, otak dan tulang belakang.

Risiko

- Dikaitkan dengan penyakit hati (jaundis) dan buah pinggang

Salmonellosis

- Dibawa oleh anjing, kucing, monyet, tikus, reptilia seperti kura-kura, ayam dan ikan, lembu dan babi.

Gejala

- Cirit-birit, demam, sakit kepala dan jangkitan

pada organ atau tisu.

Bruselosis

- Dibawa oleh lembu, lambing (susu mentah) dan anjing

Gejala

- Demam panas, jangkitan pada tulang, jantung, pundi kencing, buah pinggang.

Virus

- #### Penyakit
- Selesema burung
 - Denggi
 - Zika

Parasit

- Malaria
- Cacing
- Kutu badan



11 Bakteria ini dikeluarkan melalui najis haiwan terbabit yang boleh merebak ke kulitnya dan menular kepada sarang dan permukaan perabot rumah

**Prof Dr Saleha Abdul Aziz,
Pakar Kesihatan Awam Veterinar**

Waspada pelbagai penyakit bawaan haiwan

Dr Mohd Mokrish
berkata, ramai memandang remeh penyakit zoonotik kerana serangan itu jarang berlaku terutama membabitkan haiwan peliharaan walaupun hakikatnya boleh menjelaskan kesihatan dalam jangka masa panjang.

Sporotrikosis iaitu sejenis jangkitan kulat yang terdapat pada kucing misalnya, boleh berpindah kepada manusia dalam bentuk kudis sekiranya tidak berhati-hati ketika menyentuhnya.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam Veterinar, Prof Dr Saleha Abdul Aziz, berkata kebanyakan

haiwan peliharaan dan haiwan lain seperti hamster dan tikus membawa penyakit bakteria saluran usus yang menyebabkan penyakit seperti demam tifoid, keracunan makanan dan radang usus.

“Bakteria ini dikeluarkan melalui najis haiwan terbabit yang boleh merebak ke kulitnya dan menular kepada sarang dan permukaan perabot rumah,” katanya.

Boleh berjangkit
Katanya jangkitan boleh berlaku sekiranya seseorang mempunyai luka dan menyentuh haiwan ini atau melalui makanan yang

terdedah dan tercemar dengan bakteria ini. Segelintir individu yang dijangkiti bakteria tidak menunjukkan sebarang simptom atau gejala sebaliknya hanya mengalami demam tetapi boleh memberikan kesan buruk ke atas buah pinggang.

Akibat tidak menunjukkan sebarang petanda dijangkiti, kebanyakannya kes tidak dapat dikesan oleh doktor dan menyebabkan mangsa akhirnya meninggal dunia.

Antara kes jangkitan bakteria yang kerap berlaku adalah jangkitan kencing tikus atau leptospirosis

yang membabitkan kematian selepas terdedah dengan bakteria berkenaan.

Jaga kebersihan
Justeru, amalan penjagaan kebersihan penting dalam menguruskan haiwan peliharaan di rumah termasuk memastikan haiwan berkenaan mendapat suntikan vaksin selain sentiasa memastikan rumah sentiasa dibersihkan.

Pastikan makanan di rumah tidak terdedah dan juga pastikan susu segar sama ada daripada lembu atau kambing di rebus sehingga mendidih terlebih dulu sebelum diminum.

